

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

HKN 208 – Puisi Melayu dan Indonesia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan saja.

Dalam setiap jawapan anda diwajibkan menyertakan bukti/contoh daripada sekurang-kurangnya seorang penyair Malaysia dan seorang penyair Indonesia.

Contoh yang digunakan dalam suatu jawapan tidak dibenarkan diulang dalam jawapan lainnya.

1. Hujah seorang pengkaji bentuk puisi, ‘Gaya penggunaan bahasa seseorang penyair sering menentukan kejayaan karyanya.’ Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai, perlihatkan bagaimana gaya menyumbang kepada kekuatan puisi.
2. Mengikut pandangan ASAS 50 dan LEKRA, sasterawan, termasuk penyair, harus menjadi manusia yang terlibat dengan masalah sebenar masyarakatnya. Bincangkan pendapat ini dengan memberi fokus kepada tema seorang penyair Malaysia dan seorang penyair Indonesia.
3. ‘Bentuk puisi ialah kulit dan struktur kepada segala kandungan fikiran dan perasaan seseorang penyair’ kata seorang kritikawan terkenal. Sekiranya anda ingin mengkaji bentuk sesebuah puisi apakah hal-hal yang perlu diteliti supaya aspek-aspek dalam bentuk serta struktur sesebuah puisi itu terserlah?

4. Indonesia dan Malaysia telah menghasilkan beberapa penyair penting yang memainkan peranan dalam perkembangan sastera Nusantara. Pilih seorang penyair Malaysia dan seorang penyair Indonesia dan bandingkan kekuatan puisi mereka dari semua aspek.
5. ‘Dunia baru yang dikuasai industri dan ICT tiada memberi tempat yang bermakna kepada puisi dalam hidup manusia kini.’ Apakah pada pendapat anda, makna dan kerelevanpu isi dalam hidup anda sendiri?
6. Sejumlah teknik bahasa membawakan keindahan dan kedalaman makna sesebuah sajak. Berdasarkan karya beberapa orang penyair huraikan teknik penting yang digunakan oleh penyair Indonesia dan Malaysia sehingga tercapainya tujuan estetik dan makna yang dihasratkan mereka.
7. Chairil Anwar dianggap sebagai ‘Pelopor Angakatan 45’ oleh H.B.Jassin. Pada pendapat anda apakah yang dipelopori Chairil dalam puisi Indonesia moden? Perlihatkan sebanyak mungkin sudut kejayaannya.

-- oo000oo --